

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN GELANGGANG RAKYAT PERTAMA BAGI PROJEK 1001 GELANGGANG RAKYAT
Lokasi : KUBANG PASU, KEDAH
Tarikh : 22-07-1995

1. Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya sahaja dapat kita semua berkumpul di sini untuk Majlis Pelancaran Gelanggang Rakyat Pertama dalam Projek 1001 Gelanggang Rakyat di Mukim Binjal dan Malau hari ini.

2. Bagi pihak Yayasan Badminton Malaysia, saya turut mengalu-alukan kehadiran para hadirin serta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kerana sudi bersama-sama untuk menjayakan majlis ini.

3. Sejak tahun 1993 lagi, Yayasan Badminton Malaysia berhasrat untuk membina gelanggang rakyat di seluruh negara yang berminat bermain badminton setelah Malaysia memenangi Piala Thomas dengan cemerlang pada tahun 1992. Hasrat ini terpaksa ditangguh hinggalah ke tahun ini dan dengan itu juga, konsep mengadakan gelanggang rakyat seluruh negara khasnya di kawasan-kawasan luar bandar berubah kepada konsep yang boleh menghasilkan tujuan-tujuannya yang lebih berkesan.

4. Tujuan dan harapan Yayasan Badminton Malaysia membina 1001 gelanggang rakyat di kawasan-kawasan luar bandar ialah untuk membolehkan seramai mungkin rakyat Malaysia mendapat peluang bermain badminton. Selain daripada membina gelanggang-gelanggang biasa di tanah lapang, Yayasan Badminton Malaysia juga akan membina dewan-dewan tertutup yang boleh memuatkan satu gelanggang badminton.

Dewan-dewan tertutup ini akan menjadi pusat atau nukelias dan akan dibina di kawasan- kawasan di mana ia boleh menampung keperluan 10 gelanggang rakyat terbuka di sekelilingnya dan mempunyai sebilangan penduduk dalam lingkungan 100,000 orang.

5. Bagi menentukan supaya penduduk di sekeliling gelanggang-gelanggang tersebut mendapat latihan badminton yang sewajarnya, latihan akan diadakan di dewan-dewan nukelias ini setiap bulan oleh Persatuan Badminton Negeri yang berkaitan. Setelah bilangan dewan-dewan ini mencukupi, Yayasan Badminton Malaysia bercadang mengadakan pertandingan khusus untuk gelanggang-gelanggang nukelias bagi mencungkil dan mengenalpasti jaguh- jaguh. Yayasan Badminton Malaysia akan membekalkan setiap gelanggang yang baru dibina dengan 6 reket badminton, 4 dozen bulu tangkis dan 2 jaring.

6. Pelancaran Logo dan Projek 1001 Gelanggang Rakyat telah pun dilakukan di Kuala Lumpur pada 17 Julai 1995 oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan sambutan untuk projek ini amat menggalakkan.

7. Pada hari ini pula, pelancaran gelanggang rakyat yang pertama dalam Projek 1001 Gelanggang Rakyat ini menjadi catatan sejarah bagi sukan badminton negara. Inilah langkah yang ulung-ulung kali dilakukan oleh Yayasan Badminton Malaysia untuk menggalak dan membangunkan badminton di peringkat akar umbi.

8. Yayasan Badminton Malaysia berharap penduduk-penduduk di Mukim Binjal dan Malau terutama anak-anak muda akan mengambil peluang bermain badminton dengan bersungguh- sungguh. Tidak mustahil akan muncul jaguh- jaguh kebangsaan yang pertama daripada bakal pemain-pemain baru dari Projek 1001 Gelanggang Rakyat ini. Kita perlu merebut semula Piala Thomas sepertimana Soo Beng Kiang (anak Sungai Petani) berbuat demikian pada tahun 1992.

9. Melalui Persatuan Badminton Kedah, Yayasan Badminton Malaysia akan mengaturkan latihan secara teratur untuk pemain-pemain dari sekitar Binjal dan Malau di dewan tertutup ini agar pembangunan badminton dan peraturan-peraturan sukan ini dapat diselaraskan dengan baik.

10. Adalah menjadi hasrat Yayasan Badminton Malaysia membina gelanggang-gelanggang rakyat ini untuk rakyat dan menyerahkannya kepada Pegawai-pegawai Daerah, melalui Ahli-ahli Parlimen, untuk pengurusan dan penjagaannya selanjutnya. Gelanggang-gelanggang rakyat dan dewan nukelias yang pertama hari ini akan dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai Ahli Parlimen Kubang Pasu. Yayasan Badminton Malaysia berharap Yang Berhormat- Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Negeri akan juga bekerjasama untuk menyumbang satu gelanggang rakyat atau dewan nukelias di kawasan masing-masing.

11. Yayasan Badminton Malaysia akan bekerja rapat dengan beberapa Kementerian dalam melaksanakan Projek 1001 Gelanggang Rakyat dan lebih-lebih lagi, Yayasan Badminton Malaysia mahukan seluruh rakyat sama-sama mengambil bahagian terhadap kejayaan projek ini.

12. Saya bagi pihak Yayasan Badminton Malaysia, ingin merakamkan penghargaan dan:-

a) setinggi-tinggi terima kasih kepada Kumpulan Berjaya, khas kepada Yang Berbahagia Dato Wan Adli bin Dato Wan Ibrahim, kerana menampung pembinaan 21 gelanggang rakyat dalam daerah Kubang Pasu ini;

b) Kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Hashim bin Md. Noor, Pegawai Daerah Kubang Pasu dan pegawai-pegawai beliau kerana bantuan dan kerjasama yang erat dengan Yayasan Badminton Malaysia supaya majlis yang bersejarah ini berjaya dilaksanakan;

c) Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Kerajaan Negeri Kedah atas sokongan dan kehadiran beliau;

d) Kepada pemain-pemain kebangsaan dan jurulatih-jurulatih dari Kuala Lumpur dan juga pemain-pemain tempatan yang akan bermain sebaik sahaja gelanggang ini dibuka dan

e) Akhirnya, kepada Ahli Parlimen Kubang Pasu, Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan Pelancaran Gelanggang Rakyat Pertama dalam kawasan Parlimennya sendiri.

13. Saya berharap majlis ini akan menggalakkan juga lebih ramai lagi Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri mengambil teladan daripada pemimpin mereka dengan menyumbang dan merasmikan gelanggang- gelanggang rakyat di kawasan masing-masing.

14. Semoga Allah subhanahu wa Ta'ala memberkati hasrat Yayasan Badminton Malaysia ini dan saya sudahi dengan wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.